

# Jangan sokong pemimpin suka mogok

PEKAN, 23 MAY 1993

PEKAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pekerja jangan menyokong pemimpin kesatuan sekerja yang berpendapat pekerja akan memperolehi ganjaran yang lebih baik melalui ugutan dan mogok.

Perdana Menteri berkata, ugutan dan mogok serta mendapatkan bantuan kesatuan sekerja asing untuk mengancam kerajaan adalah cara lama yang merugikan semua pihak.

"Sepatutnya, tidak ada pekerja menyokong mereka kerana kita tahu bahawa yang mewujudkan peluang pekerjaan ialah kerajaan dengan dasar dan insentifnya dalam menarik pelaburan," katanya berucap melancarkan Taman Perumahan Perindustrian AMM di Peramu di sini, petang semalam.

Automotive Manufactures (M) Sdn Bhd (AMM), syarikat yang bergiat dalam pemasangan kenderaan bekerjasama dengan Pasdec Corporation Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), membina 300 unit rumah untuk pekerja dan kakitangan AMM.

Kawasan perumahan itu juga dilengkapi beberapa kemudahan seperti padang bola, taman permainan kanak-kanak, gelangang tenis dan takraw, surau, tadika dan dewan orang ramai dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.

Dr Mahathir berkata, kesatuan sekerja tidak pernah membuat apa pun untuk menggalakkan pelaburan di negara ini, sebaliknya menghalang penanaman modal.

"Kadang-kadang kita berasa sedih kerana nampak seolah-olah kita tidak bersyukur kepada nikmat pelaburan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya, pendapatan pekerja bertambah baik bukan kerana mogok dan tindakan perusahaan tetapi kerana iklim pelaburan yang tenteram.